

## BAB 3

### LATARBELAKANG TENTERA DARAT MALAYSIA

#### 3.1 Angkatan Tentera Malaysia


Setiap negara di dunia ini mempunyai Angkatan Tenteranya sendiri. Tugas Angkatan Tentera adalah menentukan keselamatan negara dari pencerobohan tentera asing. Organisasi Angkatan Tentera di mana-mana negara pada dasarnya adalah sama. Ianya mempunyai Tentera Darat, Tentera Laut dan Tentera Udara. Peranan yang dimainkan oleh tiap-tiap cawangan tersebut adaiah sinonim dengan namanya sendiri. Ketiga-tiga perkhidmatan ini pula adalah bersaling membantu dalam tugas pertahanan negara untuk mencapai objektif bersama. Justeru itu ketiga-tiga perkhidmatan ini perlulah diletakkan di dalam satu organisasi di bawah satu ketua iaitu Panglima Angkatan Tentera. Malaysia juga mempunyai organisasi yang serupa dan Panglima Angkatan Tentera adalah dari Tentera Darat. Jawatan ini pada dasarnya sepatutnya disandang secara bergilir-gilir antara perkhidmatan. Organisasi Angkatan Tentera Malaysia seperti di Rajah 6.

#### 3.2 Tentera Darat Malaysia

Dalam organisasi Angkatan Tentera Malaysia, Tentera Darat adalah salah satu cawangan yang amat mustahak dari segi peranan yang dimainkannya. Dalam Tentera Darat terdapat berbagai jenis Kor dan Rejimen yang mempunyai peranan dalam pertahanan di darat.

**Rajah 6**

**ORGANISASI ANGKATAN TENTERA MALAYSIA**



Sejarah Tentera Darat bermula dengan usaha untuk menubuhkan satu pasukan pertahanan yang dianggotai oleh anak-anak Melayu. Usaha ini bermula semenjak tahun 1902. Banyak perbincangan oleh Raja-Raja Melayu dan Penasihat-Penasihat British telah dijalankan bagi mewujudkan pasukan ini. Hasrat Raja-Raja telah menjadi kenyataan apabila di dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Persekutuan pada 23 Januari 1933, Rang Undang-Undang Askar Melayu telah diluluskan dan dikenali sebagai Undang-Undang No. 11.


Bagi menyahut seruan untuk mempertahankan ibu pertiwi, lebih dari seribu pemuda-pemuda Melayu dari seluruh pelusuk tanahair telah tampil ke hadapan menawarkan khidmat mereka, tetapi hanya duapuluh lima orang sahaja yang berjaya dipilih sebagai pengasas Kompeni Percubaan pasukan Askar Melayu. Mereka telah diarahkan melapur diri di Haig Lines (sekarang Institut Pengurusan Tentera Darat (IPDA), Port Dickson untuk memulakan latihan pada 1 Mac 1933. Skuad pertama ini telah menjalankan latihan dengan gigih dan penuh tabah, dan pihak pegawai-pegawai British, selaku jurulatih, sangat berpuas hati dengan kebolehan, kecekapan serta semangat keperwiraan yang mereka tunjukkan.

### 3.2.1 Organisasi Tentera Darat Malaysia

Organisasi Tentera Darat Malaysia sejak ditubuhkan telah banyak kali diubahsuaikan bagi memenuhi keperluan semasa. Cabaran-cabaran semasa yang dihadapi memerlukan Tentera Darat mempunyai struktur organisasi yang mantap lagi bersepada dalam menangani aspek operasi, latihan dan logistik. Justeru itu organisasi Rajah 7 merupakan struktur organisasi yang ideal pada masa kini.

Rajah 7

ORGANISASI TENTERA DARAT



Sumber: Cawangan Sumber Tenaga Manusia, Markas Tentera Darat, Kuala Lumpur.

- Markas Tentera Darat - Markas Tentera Darat adalah markas yang tertinggi dalam Tentera Darat Malaysia. Ia adalah penggubal

dasar dan markas pemerintahan semua pasukan Tentera Darat. Di dalam Markas Tentera Darat ianya mengandungi elemen-elemen yang penting bagi melaksanakan tugasnya.

- Elemen Pemerintahan - Pemerintahan Tentera Darat diketuai oleh Panglima Tentera Darat dan dibantu oleh Timbalan Panglima Tentera Darat.
- Bahagian Setaf - Bahagian ini diketuai oleh Ketua Setaf yang bertanggung jawab dalam hal pentadbiran harian Markas Tentera Darat.
- Bahagian Simpanan - Bahagian ini bertanggung jawab terhadap pasukan sukarela dan simpanan.
- Bahagian Pemeriksaan - Bahagian ini bertanggung jawab dalam memeriksa tahap kesiapsiagaan pasukan-pasukan Tentera Darat.
- Jabatanarah-Jabatanarah - Terdapat 11 jabatanarah yang tertentu dan bertindak memberi nasihat kepada Panglima Tentera Darat hal-hal teknikal berhubung dengan kepakaran masing-masing. Jabatanarah-Jabatanarah yang dimaksudkan adalah Jabatanarah Infanteri, Armor, Semboyan, Jurutera, Artileri, Gerak Khas, Risik, Polis Tentera, Kor Perkhidmatan, Ordnans dan Jurutera Letrik dan Jentera.

Formasi dan Terup-Terup di bawah pemerintahan Markas Tentera Darat adalah seperti berikut:

- Terup Tentera Darat - Terup Tentera Darat adalah pasukan-pasukan yang diletakkan di bawah pemerintahan dan kawalan Panglima Tentera Darat. Ini bermakna semua penugasan seperti perlaksanaan operasi oleh terup terlibat perlu mendapat kelulusan dari Panglima Tentera Darat.
- Pemerintahan Medan Tentera Darat - Markas Pemerintahan Medan Tentera Darat adalah markas medan tertinggi Tentera Darat. Markas ini bertanggung jawab dalam semua aspek operasi, latihan dan logistik Tentera Darat di Malaysia.
- Markas Pemerintahan Latihan - Markas ini bertanggung jawab untuk pembangunan latihan dan doktrin Tentera Darat. Semua sekolah-sekolah latihan Tentera Darat terletak di bawah pemerintahan markas ini.
- Markas Pemerintahan Logistik - Markas ini bertanggung jawab dalam semua aspek pengurusan logistik Tentera Darat. Ini merangkumi segala bentuk pembelian peralatan Tentera Darat.

Sesebuah Divisyen Infanteri ialah cantuman bersama beberapa buah Briged Infanteri dan lain-lain unit bantuan tempur dan unit bantuan perkhidmatan untuk dijadikan satu kumpulan tempur. Satu Briged Infanteri pula ialah cantuman bersama beberapa unit untuk dijadikan satu kumpulan dari semua perkhidmatan dengan elemen bantuan tempur dari Terup Divisyen.

### **3.2.2 Kor Dan Rejimen Dalam Tentera Darat**

Tentera Darat mempunyai berbagai kor dan rejimen yang mempunyai peranan dan tugas masing-masing. Tiap-tiap kor dan rejimen ini mempunyai tradisi mereka sendiri yang diwarisi dari tentera British dahulu. Terdapat sebelas kor dan rejimen di dalam Tentera Darat Malaysia. Kor dan rejimen yang dimaksudkan adalah seperti diterangkan di bawah:

- **Rejimen Askar Melayu DiRaja.** Sebagai Rejimen yang tertua sekali dalam Tentera Darat Malaysia. Rejimen ini telah mengambil bahagian di dalam semua bidang operasi bagi menghancurkan musuh negara. Rejimen ini telah diberi gelaran Diraja dalam tahun 1958 bagi mengenangkan jasa perjuangannya. Pengurniaan Diraja dan penghormatan rakyat yang diberikan kepada Rejimen ini menjadi dorongan dan membangkitkan semangat perjuangan selaras dengan cogankata TAAT SETIA.
- **Rejimen Renjer.** Rejimen Renjer berasal dengan tertubuhnya Sarawak Rangers dan Sabah Rengers yang berkhidmat di bawah Tentera British. Di peringkat ini anggota-anggota Rejimen ini terdiri daripada suku kaum keturunan dari Sarawak dan Sabah yang sangat dikenali sifat keberaniannya. Anggota-anggotanya sekarang terdiri dari berbagai-bagai kaum keturunan bangsa Malaysia. Cogankata Rejimen ini ialah "AGI IDUP AGI NGELABAN" yang bermaksud SELAGI HIDUP SELAGI BERJUANG.
- **Kor Kavalri.** Tugas Kor ini ialah menjalankan operasi secara 'Offensive' dan 'Defensive' dengan sentiasa menyediakan bantuan perisai kepada Tentera Darat. Cogankata Kor Kavalri Diraja ialah BERSATU

- Rejimen Semboyan. Tugas Rejimen Semboyan amatlah berat dan menjadi nadi dalam pergerakan operasi pentadbiran Tentera Darat dengan mengadakan, mengendali, membaiki serta menyelaras semua perhubungan bersama untuk ketiga-tiga perkhidmatan Angkatan Tentera. Cogankata Rejimen Semboyan ialah "PANTAS DAN PASTI".
- Rejimen Askar Jurutera. Sejak dengan pembesaran Tentera Darat Malaysia, Rejimen ini sekarang telah berkembang dengan pesatnya serta mampu untuk memberi bantuan dalam pertempuran dan pergerakan, memelihara ketenteraman awam dan semasa bencana alam.
- Rejimen Artileri. Rejimen Artileri telah ditubuhkan di Kajang pada 15 Ogos 1957 dengan satu Bateri di mana sebahagian besar anggota-anggotanya ketika itu adalah terdiri dari bekas anggota Royal Artileri yang pernah berjuang di Pulau Belakang Mati, Singapura, semasa Perang Dunia Kedua. Rejimen Artileri telah berkembang dari masa ke semasa sejajar dengan pembesaran Tentera Darat dan seringkali berganding bahu membantu yunit-yunit lain dalam menjayakan operasi. Congankata Rejimen Artileri ialah TANGKAS TEGAS SAKSAMA.
- Rejimen Gerakhas. Rejimen Gerakhas ditubuhkan pada 1 Mei 1965 di Kem Majidee, Johor Bharu. Tugas Rejimen Gerakhas ini ialah menjalankan operasi tertentu secara bebas melalui darat, laut dan udara. Sehingga ini Rejimen Gerakhas mengandungi Markas Gerup, Para Komando Rejimen, beberapa Rejimen Gerakhas dan Pusat Latihan Perang Khas. Cogankata Rejimen ini ialah CEPAT DAN CERGAS.

- Kor Perkhidmatan Am. Kor Perkhidmatan Am diwujudkan dalam tahun 1954 dengan nama "The Federation General Service Corps". Bahagian-bahagiannya ketika itu ialah Pejabat-Pejabat Rekod, Gaji, Perubatan, Pelajaran dan Perisikan. Kor ini bertanggungjawab sepenuhnya ke atas kelincinan khidmat dari segi Urusan Gaji, Perkeranian, Pelajaran dan Perhubungan Raya kepada ketiga-tiga Perkhidmatan Angkatan Tentera. Cogankata Kor Perkhidmatan Am ialah BERBAKTI.
- Kor Kesihatan. Tugas Kor ini ialah memberi bantuan perubatan medan, rawatan kepada pesakit-pesakit dan meninggikan taraf kesihatan anggota dan keluarga ketiga-tiga perkhidmatan Angkatan Tentera. Di samping itu Kor ini bertanggungjawab meiatih anggota-anggotanya dalam bidang sendiri. Cogankata Kor ini ialah KHIDMAT DIUTAMAKAN.
- Kor Polis Tentera. Pasukan kecil ini ditugaskan khas untuk menyelenggarakan tatatertib Tentera Darat sahaja. Dewasa ini Kor Polis Tentera telah berkembang dan memainkan peranan penting yang meliputi ketiga-tiga perkhidmatan di dalam Angkatan Tentera Malaysia, bertanggungjawab terhadap menguatkuasakan undang-undang, peraturan-peraturan dan perintah-perintah tentera, serta mengawal keselamatan pengkalan, gudang-gudang dan bangunan Angkatan Tentera. Kecekapan Kor Ini adalah selaras dengan cogankatanya SEDIA BERKHIDMAT.
- Kor Risik. Tugas Kor Risik adalah untuk mendapatkan maklumat kepada Tentera Darat dari hal aktiviti-aktiviti musuh semasa perang. Dalam masa aman adalah menjadi tanggung jawab kor berkenaan untuk mengawasi aspek kebocoran maklumat tentera kepada pihak asing. Pada

7 November 1969 Kor Risik Angkatan Tentera telah ditubuhkan sejajar dengan perkembangan dan keperluan Angkatan Tentera. Cogankata Kor Risik ialah PINTAR DAN CERGAS.

- Kor Perkhidmatan. Kor Perkhidmatan berasal dengan penubuhan Cawangan Bekal dan Angkat dalam bulan April 1957 sebagai satu bahagian dalam Army Service Corps (ASC). Tugas KP adalah memberi perkhidmatan pembekalan kenderaan makanan, petrol/minyak pelicin, urusan hantaran udara, dan perkhidmatan barek kepada ketiga-tiga Perkhidmatan mahupun di pengkalan tetap atau semasa operasi. KP juga bertanggungjawab bagi melatih pemandu, tukang masak, penjaga setor bekalan dan anggota hantaran udara. Cogankata Kor Perkhidmatan ialah BERKHIDMAT KEPADA SEMUA.
- Kor Ordnans. Peranan utama Kor Ordnans adalah membantu Angkatan Tentera Malaysia dengan membekalkan barang-barang kelengkapan, kenderaan, peluru dan barang-barang gunasama kepada ketiga-tiga perkhidmatan Angkatan Tentera. Cogankata Kor ini ialah BERKHIDMAT DAN MEMBANTU.
- Kor Jurutera Letrik dan Jentera. Kor Jurutera Letrik dan Jentera adalah bertanggungjawab mengenai pemeriksaan, pengubahsuaian, perkhidmatan kembali, pembaikan dan kemajuan teknik semua alatan gunasama letrik dan jentera dalam Angkatan Tentera Malaysia. Cogankata Kor Jurutera Letrik dan Jentera ialah BERTUKANG DAN BERJUANG.
- Kor KAGAT. Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT) ditubuhkan adalah selaras dengan usaha Kerajaan untuk menerapkan nilai-nilai Islam

di dalam pentadbiran negara, maka Angkatan Tentera juga dengan penuh kesedaran telah berusaha dalam meningkat lagi tahap penghayatan nilai-nilai dan pengajaran Islam dalam organisasinya. Justeru itu, Majlis Angkatan Tentera telah menyokong syor penubuhan Kor Agama Angkatan Tentera berkuatkuasa mulai 16 April 1985.

- **Kor Pasukan Simpanan Tentera Darat (PSTD)**. Kor PSTD adalah juga bertanggungjawab melatih serta mentauliahkan siswa sebagai pegawai simpanan di Pusat Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) di Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Institut Teknologi Mara, Universiti Sains Malaysia dan Universiti Pertanian Malaysia. Kor PSTD adalah juga bertanggungjawab bagi mengawal dan melatih anggota pasukan-pasukan Pakar dalam urusan Pelabuhan, Keretapi, Telekom, Kerja Air dan Lembaga Letrik Negara. Cogankata Kor PSTD ialah BERHIDMAT UNTUK NEGARA.

### 3.3 TAULIAH DAN SISTEM KEPANGKATAN

Seorang pegawai Tentera Darat adalah seorang Pegawai Bertauliah. Tauliah seorang pegawai dalam Tentera Darat adalah dianugerahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong. Terdapat dua jenis tauliah yang biasa diberikan iaitu Tauliah Tetap dan Tauliah Jangka Pendek. Perbezaan antara dua jenis tauliah adalah jangkamasa latihan kedet iaitu Kedet Tauliah Tetap diberi latihan selama 2 tahun manakala Kedet Tauliah Jangka Pendek selama satu tahun sahaja. Jenis tauliah ini pula disenaraikan kepada beberapa bidang seperti berikut:

- Tugas Am.
- Tugas Khas.
- Tugas Iktisas.

Semua bakal-bakal pegawai yang menjalani latihan Pegawai Kedet biasanya akan ditauliahkan dalam Tugas Am. Tauliah bagi Tugas Khas pula biasanya dianugerahkan kepada anggota peringkat bawah yang telah mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang istimewa di dalam satu-satu bidang. Setelah ditauliahkan mereka akan meneruskan pekerjaan dalam bidang yang sama sebagai pegawai. Turut serta dalam kumpulan ini adalah tauliah Kuartermaster, tauliah Pegawai Kerja Woksyop dalam Kor Jurutera Letrik dan Jentera dan tauliah Pegawai Kerja Ordnans dalam Kor Ordnans dalam lain-lain lagi.

Tauliah Tugas Iktisas pula adalah untuk pegawai-pegawai yang mempunyai Ijazah universiti dan memasuki tentera secara terus tanpa melalui latihan kedet. Pegawai-pegawai yang ditauliahkan dalam senarai ini adalah Doktor-doktor, Pegawai Kejuruteraan dan pegawai-pegawai Pelajaran. Pangkat permulaan bagi mereka pada lazimnya adalah Kapten. Pegawai-pegawai dalam senarai ini diberi peluang untuk Tauliah Tetap setelah mereka menunjukkan minat mereka dalam tentera serta memperolehi syarat-syarat yang ditetapkan.

### **3.4 SISTEM KEPANGKATAN**

Sistem kepangkatan dalam bidang ketenteraan amatlah mustahak sekali. Ianya menunjukkan kekananan atau kebolehan seseorang pegawai dan anggota tersebut. Dalam pada itu juga kepangkatan amat bermakna

dalam aspek pemerintahan. Hormat menghormati adalah juga berdasarkan sistem kepangkatan yang ada. Seseorang pegawai dan anggota yang rendah pangkatnya perlu menghormati dan mematuhi arahan dari pegawai dan lain-lain pangkat yang lebih kanan darinya. Ianya sudah tentu dapat memberi kemudahan dalam melaksanakan tugas harian. Sistem kepangkatan dalam Tentera Darat dikategorikan dalam dua bahagian iaitu kategori pegawai bertauliahan dan anggota lain-lain pangkat.

### **3.4.1 Pangkat Pegawai-Pegawai Tentera Darat**

- **Leftenan Muda.** Leftenan Muda ditauliahkan setelah tamat dengan jayanya menjalani latihan Pegawai Kedet dalam tempoh masa yang ditetapkan.
- **Leftenan.** Leftenan diperolehi setelah sempurna empat tahun perkhidmatan dengan memuaskan sebagai Leftenan Muda. Tempoh perkhidmatan bagi Pegawai-pegawai Bertauliahan Tetap dikira mulai daripada tarikh mereka menjalankan Latihan Pegawai dan bagi Pegawai Jangka Pendek dikira mulai tarikh ditauliahkan.
- **Kapten.** Pegawai yang berpangkat Kapten diberikan kepercayaan dan tanggungjawab yang lebih luas. Pangkat ini diperolehi setelah lulus peperiksaan kenaikan pangkat Leftenan ke Kapten dan telah menyempurnakan perkhidmatan selama empat tahun dengan memuaskan dalam pangkat sebenar sebagai Leftenan.
- **Mejar.** Seseorang Pegawai yang berpangkat Kapten dan telah lulus peperiksaan kenaikan pangkat ke Mejar dan telah berkhidmat dengan

sempurna selama lima tahun sebagai Kapten dan mendapat sokongan adalah layak untuk dinaikan ke pangkat Mejar.

- Leftenan Kolonel. Leftenan Kolonel telah menyempurnakan enam tahun perkhidmatan dengan memuaskan dalam pangkat Mejar. Seseorang Pegawai itu mestilah terlebih dahulu menjalani Kursus di Maktab Turus Angkatan Tentera di dalam mahupun di luar negeri. Pegawai yang berpangkat ini adalah dalam golongan yang dikenali sebagai Pegawai-Pegawai Kanan.
- Kolonel. Seorang Leftenan Kolonel yang telah menyempurnakan tugas selama dua tahun dengan cemerlangnya dan disokong akan ditimbangkan untuk menyandang pangkat Kolonel sekiranya kekosongan berlaku. Biasanya pangkat Kolonel ini adalah dijawat oleh pegawai-pegawai yang menjadi Pengarah Kor atau Rejimen, Timbalan Panglima Peringkat Beringed, sebagai Ketua Turus di peringkat Divisyen dan ditempat-tempat perjawatan yang sedia ada untuk pangkat Kolonel.
- Brigediar Jeneral. Pangkat Brigediar Jeneral merupakan pangkat permulaan bagi siri yang berpangkat Jeneral atau kadangkala dikenali sebagai Jeneral satu bintang. Pangkat ini sangat berkesan sekali dalam sesuatu pergerakan dan kebijaksanaan pegawai yang menyandangnya menentukan kejayaan dan kegagalan sesuatu rancangan yang dijalankan.
- Mejar Jeneral. Pangkat Mejar Jeneral adalah termasuk dalam golongan pangkat pegawai-pegawai yang terkanan dalam Tentera Darat. Seseorang yang menjawat jawatan ini adalah yang dipilih khas dan yang

telah menunjukkan kecekapan yang cemerlang dari segala segi aspek ketenteraan.

- Leftenan Jeneral. Pangkat Leftenan Jeneral adalah yang kedua terkanannya dalam senarai pangkat-pangkat pegawai dalam Angkatan Tentera Darat.
- Jeneral. Pangkat Jeneral merupakan pangkat yang tertinggi sekali dalam senarai pangkat-pangkat pegawai dalam Angkatan Tentera Darat Malaysia. Pada masa sekarang hanya terdapat seorang sahaja pegawai yang berpangkat Jeneral memegang jawatan Panglima Tentera Darat.

#### 3.4.2 Anggota Lain-Lain Pangkat (Askar Laskar)

- Lans Koperal. Pada lazimnya seorang perajurit yang mempunyai kebolehan memimpin yang baik serta perkhidmatan sekurang-kurangnya empat tahun adalah dipilih dan diberi peluang untuk meghadiri kursus yang diwajibkan bagi menyandang pangkat Lans Koperal.
- Koperal. Di peringkat Koperal tugas dan tanggungjawab seorang pegawai yang tidak bertauliah mula bertambah. Setelah menghadiri dan lulus kursus-kursus yang diwajibkan dan mempunyai syarat-syarat perkhidmatan yang luas, Las Koperal yang berkelayakan dianugerahkan pangkat Koperal. Di dalam Kor Kavalri, umpamanya, pangkat ini adalah untuk jawatan seperti Ketua Seksyen.

- Sarjan. Mulai dari pangkat ini mereka adalah dalam golongan yang dikenal sebagai Pegawai Tanpa Tauliah Kanan dan mula diterima sebagai ahli di dalam Mes Pegawai Waren/Sarjan.
- Setaf Sarjan. Pada lazimnya mereka mempunyai hitung panjang dua belas tahun perkhidmatan serta cukup syarat-syarat yang ditentukan bagi kenaikan pangkat.
- Pegawai Waren II. Seorang Setaf Sarjan yang dipilih untuk meningkat ke pangkat Pegawai Waren II adalah dari golongan yang sangat matang dan berkebolehan dari segi mentadbir dan memimpin.
- Pegawai Waren I. Pangkat Pegawai Waren I adalah kemuncak dan tertinggi sekali dalam susunan pangkat anggota lain-lain pangkat. Penghormatan yang tinggi bagi menjawat pangkat ini pada lazimnya dipilih daripada Pegawai Waren II yang paling kemas dan kacak dari segi pakaian serta disiplin yang terpuji.

Senarai Kepangkatan dan Tanggagaji serta elaun-elaun adalah ditunjukkan di Jadual 5.

Jadual 5

Senarai Kepangkatan dan Tanggagaji serta Elaun-Elaun

Pegawai

Pangkat	Tanggagaji	Imbuhan Tetap Khidmat	Imbuhan Tetap Perumahan	Imbuhan Tetap Keraian
Jeneral	5,880 - 7110	-	2,000	2,500
Lt Jeneral	5,340 - 6,460	-	1,600	1,800
Mej Jeneral	4,980 - 6,020	-	1,300	1,400
Brig Jeneral	4,017 - 5,084	-	900	700
Kolonel	3,533 - 4,380	-	700	525
Lt Kolonel	2,928 - 3,994	450	575	-
Mejar	2,010 - 3,342	195	500	-
Kapten	1,350 - 3,127	170	450	-
Leftenan	1,030 - 2,369	115	420	-
Lt Muda	920 - 1,272	115	420	-

Lain-lain Pangkat

Pangkat	Tanggagaji	Imbuhan Tetap Khidmat	Imbuhan Tetap Perumahan
Pegawai Waren 1	1,260 - 1,797	80	300
Pegawai Waren 2	1,150 - 1,620	80	300
Setaf Sarjan	999 - 1,397	80	275
Sarjan	867 - 1,307	80	275
Koperal	720 - 1,202	65	230
Las Koperal	668 - 1,119	65	230
Prebet	500 - 1,079	65	230

Sumber: Sistem Saraan Baru Anggota Tentera Malaysia.